

HELAIAN KETERANGAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Helaian keterangan produk (PDS) ini menyediakan maklumat penting mengenai takaful motor anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, **anda harus membacanya juga.**



TAKAFUL IKHLAS GENERAL BERHAD
(Ahli PIDM)

Dilaksanakan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia

Tarikh:

1 Apakah IKHLAS Private Car Comprehensive Plus Takaful?

IKHLAS Private Car Comprehensive Plus Takaful memberikan perlindungan ke atas liabiliti terhadap kecederaan atau kematian pihak lain, kerosakan harta pihak lain, dan kerosakan terhadap kenderaan anda akibat kebakaran atau kemalangan atau kecurian kenderaan anda.

Konsep Syariah yang diguna pakai adalah seperti berikut:

- **Tabarru'** – bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu semua peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru' akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko Peserta.
- **Wakalah** – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk menjalankan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful dan yuran Wakalah (*ujrah*) akan dibayar kepada pihak Syarikat.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, berdasarkan amaun perlindungan sebanyak RM50,000 untuk peserta lelaki berumur 30 tahun dengan 0% NCD dan sumbangan tahunan sebanyak **RM1,000**, anda akan menerima manfaat seperti berikut:

Amaun Perlindungan	RM50,000		
Kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD)	0%		
*Perlindungan Tambahan (Perlindungan ini diambil dengan sumbangan takaful tambahan)			
• <i>Pertukaran Hak Milik</i> • <i>Karavan/Bagasi/Treler Bot</i> • <i>Ujian Keutuhan, Pertandingan dsb.</i> • <i>Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam</i> • <i>Perlindungan Tambahan Bencana Khas</i> • <i>Liabiliti Penumpang Di Sisi Undang-undang Kerana Perbuatan Cuai</i> • <i>Perlindungan untuk Cermin Depan/Belakang, Tingkap dan Bumbung Matahari</i> • <i>Perlindungan Berasingan Bagi Aksesori yang dipasang pada Kereta Anda</i>	• <i>Peralatan Penukaran Gas dan Tangki</i> • <i>Liabiliti dari segi Undang-undang terhadap Penumpang</i> • <i>Perluasan Perlindungan ke Negara Thailand</i> • <i>Perluasan Perlindungan ke Kalimantan</i> • <i>Had Liabiliti bagi Kerosakan Harta Pihak Ketiga</i> • <i>Perluasan Perlindungan Transit Feri ke dan/atau dari Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan</i>	• <i>Pampasan “Diskaun Tanpa Tuntutan” Tahun Semasa</i> • <i>Pampasan untuk Tempoh Pembaikan yang Dianggarkan (Compensation for Assessed Repair Time (CART))</i> • <i>Endorsmen Kereta Sewaan Persendirian (Bukan Tarif)</i> • <i>Pengecualian untuk Penambahbaikan (Betterment) (Bukan Tarif)</i> • <i>IKHLAS Limited Special Peril Takaful (Bukan Tarif)</i>	

Sijil anda melindungi:

- *Kecederaan tubuh badan dan kematian pihak ketiga;*
- *Kerugian atau kerosakan harta pihak ketiga;*
- *Kerugian atau kerosakan pada kenderaan sendiri yang disebabkan oleh kebakaran atau kecurian yang tidak disengajakan; dan*
- *Kerugian atau kerosakan kepada kenderaan sendiri akibat kemalangan.*
- *Pengecualian Ekses Wajib untuk Pemandu yang tidak Dinamakan (bukan tarif)*
- *Perlindungan Kemalangan Peribadi Percuma untuk Peserta (bukan tarif)*
- *Bayaran Balik Fi Pengangkutan (bukan tarif)*

Sijil Takaful motor anda **tidak melindungi**:

- *Kematian atau kecederaan tubuh badan sendiri akibat dari kemalangan motor**
- *Liabiliti daripada tuntutan penumpang anda akibat dari kemalangan motor**
- *Kehilangan, kerosakan atau tuntutan liabiliti dari malapetaka alam seperti banjir, ribut atau tanah runtuh*; dan*
- *Kehilangan turutan, susutnilai, haus dan lusuh, kerosakan mekanikal dan elektronik.*

* Perlindungan untuk yang berikut boleh dilakukan berasingan melalui endorsmen yang ditawarkan

Nota: Senarai ini **bukan senarai lengkap**. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah Sijil Takaful ini.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan motor takaful anda, anda boleh:

 Hubungi kami di: 03 – 2723 9696	 Lawati kami di: https://www.takaful-ikhlas.com.my/	 Emel kami di: ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my
--	--	---

Bagi Sijil Takaful motor ini, anda perlu membayar sumbangan takaful sebanyak:

*Sumbangan Asas Takaful	RM1,000.00
(-) 0% Kelayakan NCD	RM0.00
(+) Perlindungan Tambahan	RM200.00
Yuran Wakalah → Perbelanjaan Pengurusan (20%) → Komisen (10%)	RM240.00 RM120.00
(+) Cukai Perkhidmatan (mengikut kadar semasa)	RM96.00
(+) Duti Setem	RM10.00
(-) Rebat bagi Saluran Langsung	RM0.00
Jumlah Sumbangan Takaful yang Perlu Dibayar	RM1,306.00

Nota: *Sumbangan Takaful yang ditunjukkan adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza bergantung kepada perlindungan yang anda pilih. Sumbangan asas takaful ini merangkumi yuran Wakalah yang terdiri daripada Perbelanjaan Pengurusan dan Komisen.

**MAKLUMAT PENTING YANG PERLU ANDA KETAHUI**

A	Tempoh perlindungan adalah 1 tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan takaful ini setiap tahun.
B	Takaful ini hanya akan berkuat kuasa selepas anda membayar sumbangan takaful (tunai sebelum perlindungan).
C	Peserta Takaful mestilah mempunyai kepentingan takaful yang dibenarkan terhadap kenderaan bermotor tersebut pada permulaan Sijil Takaful ini dan pada masa berlakunya kerugian.
D	Anda dikehendaki mendedahkan semua maklumat yang relevan dan tepat semasa memohon takaful ini. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda.
E	Anda mesti memastikan bahawa kenderaan anda dilindungi pada jumlah yang bersesuaian kerana ia akan mempengaruhi amaun yang boleh anda tuntutan.
F	Jika amaun perlindungan bagi kenderaan anda adalah kurang daripada nilai sebenar pada masa berlakunya kerugian, anda akan dianggap bertanggungjawab terhadap perbezaan tersebut dan menanggung bahagian kerugian mengikut kadar yang sepadan.
G	Sekiranya berlaku kemalangan, anda hendaklah memaklumkan kepada kami secepat mungkin. Anda boleh berbuat demikian dengan cara berikut: • Menghubungi Bantuan IKHLAS Road Assist di talian 1-800-88-1186 untuk mengatur perkhidmatan menunda ke bengkel panel atau bengkel yang diluluskan (<i>untuk perlindungan komprehensif kereta persendirian sahaja</i>). • Memandu terus kenderaan ke bengkel panel atau bengkel yang diluluskan sekiranya perkhidmatan menunda tidak diperlukan • Setelah menghantar tuntutan anda, anda boleh menyemak status tuntutan melalui Portal Tuntutan Go Serve.
H	Sekiranya kenderaan anda terlibat dalam kemalangan, anda dinasihatkan untuk menghantar kenderaan yang rosak ke mana-mana Bengkel yang Diluluskan, iaitu merujuk kepada bengkel membaiki kereta yang dimana panel membaiki kereta yang diluluskan kami atau mana-mana bengkel kereta yang kami beri kelulusan khas untuk digunakan dalam keadaan tertentu.
I	Jika sesuatu tuntutan dibuat di bawah sijil ini dan kerugian tersebut juga dilindungi oleh Sijil Takaful lain yang anda ambil, kami akan hanya membayar bahagian kami mengikut nisbah pro-rata dari kerugian sepenuhnya. Bukan tanggungjawab kami membayar dahulu keseluruhan tuntutan itu dan kemudian menuntut balik bahagian syarikat Takaful yang turut bertanggungjawab bagi kerugian tersebut.
J	Pihak Syarikat akan layak mendapat Insentif Prestasi Lebihan (SPI) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat boleh mengenakan caj SPI kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian.
K	Dimaklumkan bahawa sebarang tuntutan yang dibuat di bawah sijil takaful ini boleh memberi kesan terhadap syarat dan kadar caruman bagi pembaharuan sijil pada masa hadapan. Berdasarkan rekod tuntutan anda, Takaful Ikhlas General Berhad berhak untuk menyemak dan melaras semula kadar caruman, perlindungan atau kelayakan pembaharuan mengikut garis panduan pengunderaitan syarikat.

Nota: Senarai ini **bukan senarai lengkap**. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah Sijil Takaful ini.

**Bolehkah saya membatalkan sijil saya?**

Anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Setelah pembatalan dibuat, anda berhak menerima bayaran balik sumbangan secara pro-rata bagi tempoh perlindungan yang belum tamat, tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam sijil ini. Tiada bayaran balik sumbangan akan dibuat sekiranya terdapat tuntutan di bawah sijil ini.

Nota: Caj pengurusan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sekiranya pembatalan dibuat atas permintaan Anda.

Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan anda faham tujuan tandatangan anda
☐ Saya mengakui bahawa Takaful Ikhlas General Berhad telah memberikan saya salinan PDS.
☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam PDS ini.

* Pengakuan pelanggan terhadap PDS ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mencari penyelesaian sekiranya berlaku pertikaian terhadap terma dan syarat produk ini di kemudian hari.

Nama:
Tarikh:

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah Sijil Takaful yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur TIPS PIDM atau hubungi Takaful Ikhlas General Berhad atau PIDM (lawati www.pidm.gov.my).